



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

**Untuk Siaran Segera**

### **MCMC: 14 KES DIDAKWA DI MAHKAMAH DARI JANUARI HINGGA OGOS 2015**

**CYBERJAYA, 13 Ogos 2015 ---** Sejumlah 14 kes melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan dari Januari sehingga awal Ogos 2015 yang lalu.

Ketua Bahagian Pemantauan dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Zulkarnain Mohd Yasin memaklumkan, kebanyakan kes yang didakwa itu melibatkan penyalahgunaan media sosial seperti Facebook, Twitter, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), MMS dan laman blog.

Menurutnya, jenis kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh antara lain merangkumi penghantaran kandungan yang jelik sifatnya dengan tujuan untuk menyakitkan hati orang lain, muat naik dan penghantaran kandungan lucu menerusi aplikasi e-mel mahupun media sosial.

Daripada jumlah tersebut, ujar Zulkarnain, 10 kes telah dibicarakan dan dikenakan tindakan manakala empat kes lain masih dalam proses perbicaraan di mahkamah. Berikut adalah senarai kes yang sudah didakwa di mahkamah hingga kini:-

#### **KES-KES YANG DIDAKWA DI BAWAH SEKSYEN 211 DAN 233 AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 (JANUARI-OGOS 2015)**

BIL	NAMA KES / SUSPEK	KESALAHAN
1.	Jasma Aznita	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p> <p>Penghantaran kandungan yang jelik sifatnya dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi e-mel.</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>26/5/2015: Mahkamah telah melepaskan OKS dengan Perintah Bon Berkelaikan baik selama tiga (3) tahun dibawah seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah.</p>
2.	Hoo Wai Men	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p>



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

BIL	NAMA KES / SUSPEK	KESALAHAN
		<p>Penghantaran kandungan yang lucah dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi e-mel.</p> <p><b>Keputusan</b> 03/08/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM28,000.</p>
3.	Rizalman Bin Ramli	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p> <p>Penghantaran komen yang jelik sifatnya dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi Facebook.</p> <p><b>Keputusan</b> 02/06/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM2,000.</p>
4.	Zulkifli Radzi	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p> <p>Penghantaran kandungan lucah menggunakan khidmat pesanan multimedia (MMS) menggunakan talian telefon mudah alih.</p> <p><b>Keputusan</b> 25/05/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM 3,000 untuk tiga pertuduhan.</p>
5.	Huen Chung Sook	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p> <p>Memuatnaik kandungan yang jelik sifatnya di laman sesawang – “Casual But Wild Sex”</p> <p><b>Keputusan</b></p>



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Malaysian Communications and Multimedia Commission

Off Persiaran Multimedia

63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

BIL	NAMA KES / SUSPEK	KESALAHAN
		26/05/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman dua (2) hari penjara dan denda berjumlah RM50,000 untuk dua pertuduhan.
6.	Asnizukacaras bin Saari	<p><b>Seksyen 211 AKM 1998</b></p> <p>Memuatnaik kandungan lucah di laman blog – “Yamani Salim”</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>28/05/2015 - Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM 18,000. OKS gagal membayar denda dan telah dikenakan hukuman penjara selama satu (1) bulan bermula dari tarikh hukuman.</p>
7.	Baderol Sham bin Muhamad Tahir	<p><b>Seksyen 211 AKM 1998</b></p> <p>Memuatnaik kandungan lucah di laman blog – “Kaki3GP Melayu”</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>21/06/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM 4,000 bagi pertuduhan di bawah Seksyen 211 AKM dan denda berjumlah RM 1,000 serta satu (1) hari penjara bagi pertuduhan di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan.</p>
8.	Mohd Fakhrulradzi Zainal Abidin	<p><b>Seksyen 211 AKM 1998</b></p> <p>Memuatnaik kandungan lucah di laman blog – “Jomml”</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>18/05/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM 5,000.</p>



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission

Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000

Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

BIL	NAMA KES / SUSPEK	KESALAHAN
9.	(a) Amrizal; dan (b) Muhamad Muhamin	<p><b>Seksyen 211 AKM 1998</b></p> <p>Memuatnaik kandungan lucah di laman blog – “Lucah Teruk”</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>07/05/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman Perintah Kehadiran Wajib (PKW) 1954 di Jabatan Parol kepada kedua-dua OKS. PKW dua (2) jam sehari sehingga lima (5) hari bekerja selama tiga (3) bulan untuk OKS 1 dan dua (2) bulan untuk OKS 2 dengan seorang penjamin.</p>
10.	Kuan Wai Onn	<p><b>Seksyen 233 AKM 1998</b></p> <p>Menjual video lucah di laman sesawang - “rm1069”</p> <p><b>Keputusan</b></p> <p>11/05/2015: Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM30,000.</p>

Dalam pada itu, kejayaan membawa 14 kes untuk pendakwaan di mahkamah, tambah Zulkarnain, membuktikan ketegasan dan komitmen MCMC dalam menangani masalah penyalahgunaan media sosial yang semakin berleluasa ketika ini.

“MCMC memandang serius terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab individu-individu yang menyalahgunakan media sosial. Melihat kepada trend penyalahgunaan media sosial yang semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini, MCMC bertegas dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang cuba mencetuskan ketegangan.

“Pada masa yang sama juga, orang ramai adalah disarankan untuk sentiasa mempraktikkan kawal selia kendiri ketika menggunakan media sosial. Gunakan Internet secara bijak dan bukannya untuk memburuk-burukkan orang lain,” tambah Zulkarnain.

Semenjak 2010 yang lalu, jumlah keseluruhan kes yang didakwa di mahkamah atas pelbagai kesalahan berjumlah 29 kes. Sepanjang tempoh dari 2010 sehingga 2015, penyalahgunaan medium blog mencatatkan jumlah kes tertinggi dengan 8 kes, diikuti dengan Facebook dan SMS



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

mencatatkan jumlah masing-masing dengan 5 kes dan sementara penyalahgunaan medium e-mel dan laman sesawang mencatatkan 4 kes.

“Berdasarkan kepada perangkaan MCMC, tiga kesalahan utama yang dilakukan oleh tertuduh ialah penyebaran maklumat yang bersifat jelik sebanyak 9 kes, penyebaran kandungan-kandungan lucah sebanyak 12 kes dan penghinaan terhadap institusi diraja, 5 kes.

Sebarang penggunaan perkhidmatan aplikasi untuk membuat atau memulakan penghantaran komunikasi yang bersifat lucah, sumbang, palsu atau jelik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Tamat/**

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)